

BIASISWA KECEMERLANGAN SUKAN

Hampa di Paralimpik Rio jadi dorongan mahu raih pingat impian

► FAKHRURAZI ISMAIL
mfis@mail@sph.com.sg

KEHAMPAAAN tiga tahun lalu di temasya Sukan Paralimpik Rio masih terasa hingga hari ini.

Bagi atlet sukan-para Singapura, Nurulasyiqah Mohammad Taha, kegagalan untuk membawa pulang pingat Paralimpik sulung negara dalam sukan Boccia merupakan detik yang sukar untuk dilupakan.

Walaupun menunjukkan prestasi mantap dan membanggakan, Nurulasyiqah dan rakan sepasukan Toh Sze Ning, hampir menggenggam pingat gangsa, namun perjuangan mereka tamat di pusingan separuh akhir setelah tewas kepada Greece dalam pertarungan kategori BC3.

Namun, insiden itu tidak menamatkan semangat beliau untuk terus cuba mendapatkan pingat yang menjadi impiannya itu.

Justeru, atlet berusia 33 tahun itu kini mahu memberikan tumpuan sepenuhnya kepada persiapan beliau menjelang Sukan Paralimpik di Tokyo tahun depan.

“Memang susah untuk lupakan sebab selepas segala jerih payah berlatih bersungguh-sungguh, kami gagal mendapatkan pingat.

“Kami tahu, kami masih ada peluang dan sebab itu mendapatkan tempat bertanding dalam Sukan Paralimpik di Tokyo nanti menjadi keutamaan,” katanya.

Dalam menyahut cabaran baru ini, Nurulasyiqah gembira kerana mendapat sokongan lebih besar demi mencapai matlamatnya itu.

Baru-baru ini, beliau menyertai senarai 19 atlet baru sebagai penerima anugerah Biasiswa Kecemerlangan Sukan (Biasiswa Spex).

Ini merupakan kali kedua beliau menerima biasiswa tersebut setelah menjadi kumpulan atlet pertama di-anugerahkan biasiswa itu pada 2013.

Skim sokongan atlet ini akan membolehkan beliau berlatih sepenuh masa dan membantu membuka laluan untuknya bertanding dalam Sukan Paralimpik ketiganya.

Mengongsi tentang manfaat yang diraih selepas diberikan biasiswa itu, Nurulasyiqah, yang mempunyai pekerjaan tetap sebagai juruaudit cukai, berkata:

“Apabila saya mula mendapat biasiswa, saya mengambil cuti tanpa gaji dari kerja selama dua tahun supaya saya boleh berlatih sepenuh masa di bawah biasiswa ini.

“Pada masa itu saya hanya mahu mencuba nasib dan lihat bagaimana program ini dapat memberi manfaat apabila saya berlatih sepenuh masa.

“Oleh kerana saya dapat meluangkan banyak masa terhadap latihan, saya dapati ia membantu meningkatkan kemahiran asas saya dalam sukan ini, contohnya mengukur jarak yang perlu diambil dan membuat keputusan cara sesuai lakukan balingan bola sewaktu perlawanan.

“Saya percaya set kemahiran ini hanya mampu diraih dari pengalaman dan juga masa permainan.

“Saya tidak dapat berbuat demikian apabila saya perlu mengimbangi masa antara kerja dan latihan.

“Saya boleh memberikan tumpuan penuh saya dan tidak bimbang tentang komitmen lain. Tempoh bia-

“Memang susah untuk lupakan sebab selepas segala jerih payah berlatih bersungguh-sungguh, kami gagal mendapatkan pingat. Kami tahu, kami masih ada peluang dan sebab itu mendapatkan tempat bertanding dalam Sukan Paralimpik di Tokyo nanti menjadi keutamaan.”

– Atlet sukan-para Singapura, Nurulasyiqah Mohammad Taha.

siswa itu tamat sejeurus selepas sukan Paralimpik di Rio berakhir.

“Dengan Sukan Paralimpik Tokyo berlangsung tahun depan dan Sukan Para Asia di Hangzhou China pada 2022, saya mengambil keputusan untuk memberikan satu lagi percubaan dalam mendapatkan Biasiswa Spex ini.”

Beliau turut mengalu-alukan peluang berlatih bersama dengan rakan sejuarannya Toh yang juga menjadi salah seorang penerima biasiswa yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu, di majlis yang berlangsung di hotel Swisotel The Stamford Rabu lalu.

“Sekarang senang buat kami berdua berlatih bersama dan mendapat keserasian yang diperlukan.

“Kalau tidak susah untuk kami berdua mencari waktu yang sesuai kerana mempunyai jadual pekerjaan berbeza,” kata beliau lagi.

Nurulasyiqah, yang mula berjinak-jinak dalam sukan itu pada 2004 sewaktu masih menuntut di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), menjadi atlet Boccia Paralimpik pertama Singapura apabila beliau menjadi wakil negara bagi acara perseorangan BC3 di Sukan Paralimpik London 2012.

Namun, beliau akur perjalanan mereka melayakkan diri ke Tokyo masih jauh.

Ini disebabkan kedudukan mereka yang tidak ternarai dalam 10 pasangan teratas kategori yang dipertandingkan.

“Mata yang diraih dalam ranking dunia kami tidak mencukupi dan kami hanya berada dalam tangga ke-14, justeru kami perlu cuba mempertingkatkan kedudukan itu.

“Kami perlu bekerja keras dan mengambil bahagian dalam lebih banyak pertandingan jika mahu mendapatkan tempat dalam Sukan Paralimpik di Tokyo nanti,” ujarnya.



SASARKAN PINGAT: Dengan adanya Biasiswa Spex, Nurulasyiqah kini yakin dapat mencuba nasib sekali lagi untuk merangkul pingat di Sukan Paralimpik Tokyo tahun depan. – Foto BM oleh CHONG JUN LIANG